

Rejim Zionis tunggang Talmud, seru benci bukan Yahudi



Pensyarah Kanan
Universiti Malaysia
Pahang al-Sultan
Abdullah (UMPSA)

Oleh Dr Ahmad Irfan Ikmal Hisham
bhrencana@bh.com.my

Semalam, Israel memeterai perjanjian gencatan senjata sementara selama empat hari bersama pejuang Hamas membabitkan pembebasan tahanan dan tahanan kedua-dua pihak, selain membenarkan bantuan kemanusiaan masuk ke Gaza.

Bagaimanapun, ia tidak 'menyucikan' noda kejahatan rejim Zionis yang melakukan genosid terancang di Gaza dalam pertempuran berat sebelah hingga saban hari, ada sahaja 'rekod dunia' dicatatkan yang malangnya berkaitan kehilangan nyawa manusia.

Dari sudut etimologi, genosid berakar perkataan Yunani, iaitu genos bermaksud etnik atau rakyat dan caedo (pembunuhan).

Pada 1948, Konvensyen Genosid Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan penghapusan kaum sebagai mana-mana daripada lima 'perbuatan dilakukan dengan niat memusnahkan, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, kelompok bangsa, etnik, kaum atau agama.'

Lima perbuatan itu ialah membunuh ahli kelompok; menyebabkan mereka cedera parah secara fizikal atau mental; menyebabkan beban kehidupan bertujuan memusnahkan kelompok itu; menghalang kelahiran serta memindahkan kanak-kanak keluar daripada kelompok berkenaan secara paksa.

Mangsa disasarkan kerana keahliah mereka - tidak mengira jika ia sahah atau hanya nampak begitu - dengan suatu kelompok, bukan secara rawak. Perbuatan pertama dan kedua itu terang-terangan berlaku apabila tentera rejim Zionis membunuh lebih 13,000 nyawa dalam peperangan masih berlangsung dengan lebih 8,000 kanak-kanak dan wanita.

Menurut *Washington Post*, ini bermaksud setiap 200 penduduk Gaza, seorang terkorban. Ia belum

ditambah 80,000 penduduk dilaporan tercedera akibat serangan itu.

Pembantaian Gaza juga mengakibatkan penduduk asal berhadapan bebanan kehidupan. Bentuk genosid ketiga ini menyebabkan majoriti penduduk hilang kawasan kediaman dan premis perniagaan.

Menurut kajian Van Den Hoek dari Oregon State University, berdasarkan cerapan satelit dan laporan lapangan, sekitar 50,000 struktur bangunan rosak dan tidak dapat digunakan lagi.

Genosid turut berlaku dengan menghalang kelahiran. Serangan terkini rejim Zionis ke atas hospital kecil dan besar seluruh Gaza amat kejam.

Semua pesakit terpaksa dikeluarkan dan lebih malang, ramai bayi khususnya dalam rawatan pramatang terkorban akibat terputus bekalan elektrik. Malah sebelum upacara nantikan lagi, sekatan dan kawalan bekalan ubat-ubatan dilakukan rejim Zionis ke atas institusi kesihatan di Gaza.

Genosid kelima pula berbentuk memindahkan kanak-kanak dan ahli kelompok, keluar daripada kampung halaman ke kawasan penempatan baharu. Dalam satu dokumen rasmi perisikan rejim Zionis, negara haram itu berhasrat menempatkan penduduk Gaza ke kawasan di Sinai, Mesir.

Cadangan itu membangkitkan kemarahan khususnya warga Mesir dan menolaknya kerana seolah-olah terpaksa menjadi pak turut dan menafikan kedaulatan.

Sikap perkauman melampau

Ini lah manifestasi minda kebencian berteraskan ras dan warna kulit daripada rejim Zionis. Mereka menunggang sebahagian Kitab Talmud menyeru kepada kebencian berasaskan kaum bukan Yahudi.

Dalam kitab Talmud Baba Mezia 114b, dinyatakan: "Bangsa Yahudi adalah manusia, sementara yang bukan bangsa Yahudi adalah haiwan liar, bukan manusia."

Dalam Talmud Jalcut Rubeni Gadol 12b, dinyatakan: "Roh bukan Yahudi berasal daripada roh keji,

dipanggil babi."

Ini amat berbeza dengan Islam, yang walaupun dalam bahasa Arab, menggelar orang bukan Arab sebagai 'Ajam', dalam Khutbah Wada', Rasulullah SAW menyampaikan mesej kemanusiaan terulung dan asing pada waktu itu, iaitu tiada kelebihan antara orang Arab ke atas orang Ajam dan sebaliknya, melainkan takwa.

Maka tidak pelik mengapa Yahudi memiliki rekod sejarah dibenci ramai penduduk dunia. Sebenarnya bukan kerana mereka mula dizalimi, tetapi hakikatnya manifestasi rasa meluat atas sikap perkauman melampau ditonjolkan sama ada ketika menjadi majoriti atau minoriti.

Sifat perkauman ini juga bersifat terlalu elitis, bahkan turut menjadikan beberapa cabang etnik Yahudi 'tidak cukup Yahudi kulit putih', sebagai mangsa.

Contohnya, sejak 1980 menurut *Law of Returns*, hampir 100,000 Yahudi kulit hitam berketurunan Ethiopia bermigrasi ke negara itu bagi memuntut hak menjadi warga Israel.

Malangnya, wanita Yahudi Ethiopia diwajibkan mengambil suntikan setiap tiga bulan secara paksa, akhirnya diakui Kementerian Kesihatan Israel pada 2013, sebagai berancang keluarga dan menyebabkan ramai tidak boleh mengandung.

Bahkan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu ketika itu juga memegang portfolio Menteri Kesihatan, mengkritik kemunculan imigran Yahudi Afrika sebagai ancaman kepada negara demokratik Yahudi.

Maka, pemimpin dunia prokemanusiaan kemanusiaan dan pro-Palestin wajar membawa penjenayah perang rejim Zionis khususnya Netanyahu ke muka pengadilan di Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Bagi Malaysia yang tidak menandatangani Statut Rom Jenayah Perang Antarabangsa itu, boleh melobi dan mengusulkan mana-mana negara sekutu agar menyegerakan usaha ini untuk membendung genosid ini.